

Fahami semula kaitan sains dengan Quran - PM

UM 20 MAR 1990

KUALA LUMPUR, 19 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bidang sains dan kaitannya dengan Al-Quran perlu difahami semula dan segala kekeliruan mengenai hubung kait antaranya mestilah dihapuskan untuk meninggikan kembali martabat Islam.

Menurutnya, kerana kekeliruan yang disebabkan oleh tafsiran yang sempit, sesetengah umat Islam sering melihat apa sahaja yang dibuat oleh kerajaan sebagai tidak Islamik dan tidak selaras dengan kehendak - kehendak Al-Quran.

Ini, katanya, adalah kerana apabila mereka bercakap mengenai Al-Quran, mereka hanya mementingkan soal-soal yang berhubung dengan ibadat khusus atau fardu ain tanpa memberi penekanan kepada bidang ibadat umum yang meliputi soal-soal duniawi.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, penerimaan tafsiran yang sempit inilah yang menyebabkan kemunduran orang Islam sekarang sehingga mereka menjadi miskin dalam segala-galanya dan tidak dapat mempertahankan diri tanpa senjata dan bantuan daripada punca yang bukan Islam.

Berucap merasmikan Seminar Al-Quran Antarabangsa di Pusat Islam pagi ini, Perdana Menteri berkata, kekeliruan di kalangan sesetengah umat Islam dalam memahami kehendak - kehendak Al-Quran juga telah melemahkan masyarakat Islam dalam bidang sains dan matematik.

Menurut beliau, seminar hari ini kena pada masanya kerana kini kedudukan sains dan kaitannya dengan Al-Quran perlu difahami semula dan segala kekeliruan mestilah dihapuskan.

Tegasnya, Al-Quran adalah panduan yang tertinggi dan punca yang utama tentang agama Islam tetapi melalui panduannya Islam menjadi peneroka dalam bidang sains, matematik dan ilmu pelayaran serta bintang.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, apa yang telah dilakukan oleh cerdik pandai Islam melalui panduan Al-Quran seperti Ibnu Kaldun, Ibnu Rushd, Al-Khawarizmi telah disiasakan oleh mereka yang berfikiran sempit selepas itu.

Beliau berkata, semua sains moden adalah hasil penerokaan alim ulama sains Islam dan agama Islam termasuklah huruf alphabet Barat yang berasal dari Alif-Ba-Ta Arab yang penggunaannya diperluaskan selepas Islam berkembang ke wilayah Arab dan Eropah.

"Sudah tentu angka-angka sifir yang digunakan oleh Barat berasal daripada sistem perkiraan sifir yang dicipta oleh orang-orang Islam.

"Dari sinilah datangnya sistem kiraan Barat termasuk sistem metrik yang memudahkan ilmu hisab dan semua ilmu sains sedangkan sebelum ini, Barat menggunakan angka Roman dengan huruf-huruf seperti I, V, C, M dan X yang kalkulator dan komputer tidak mungkin dicipta jika sistem Roman dipakai," ujar beliau.

Begitu juga, katanya, dalam sistem logarithm yang diasaskan kepada perkiraan angka Islam juga berasal daripada orang-orang Islam iaitu Al-Khawarizmi dari Uzbekhistan yang disebut oleh Barat sebagai *algorithm*.

Soalnya, tanya Dato' Sri Dr. Mahathir, ialah mengapakah sistem huruf dan angka serta hisab dan sains berasal daripada orang Islam tetapi hari ini orang-orang Islam pula ketinggalan dalam bidang yang mereka terokal.

Menurut beliau, puncanya ialah tafsiran sempit ke atas Al-Quran kononnya ibadat hanya kepada menunaikan sembahyang dan fardu ain yang lain dan kerja-kerja dan pelajaran lain dianggap bukan sebahagian dari ibadat.

"Kerana pendekatan yang sempit ini, alim ulama tidak termasuk orang yang alim dalam bidang-bidang sains dan matematik dan kerana itu juga bukan sahaja ilmu-ilmu yang diterokal oleh umat Islam tidak mendatangkan faedah malah hilang dari genggaman kita," tegas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sains kini dianggap milik bukan Islam dan orang-orang Islam yang memasuki bidang ini tidak disanjung tinggi sebagai orang yang membuat ibadat dan orang alim.